

Keadaan sempadan Malaysia-Thai terkawal

Um-20/3/2007

ia adalah terkawal dan kita mempunyai anggota tentera dan polis mencukupi dan ia tidak membimbangkan

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Perdana Menteri

KUALA LUMPUR 19 Mac - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, keadaan di sempadan Malaysia-Thailand terkawal walaupun berlaku peningkatan keganasan di wilayah selatan negara itu.

Sehubungan itu, beliau memberitahu, kerajaan tidak bercadang menambah anggota tentera dan polis atau menguatkuasakan peraturan keselamatan yang lebih ketat di sempadan.

"Berkaitan dengan situasi di sempadan, ia adalah terkawal dan kita mempunyai anggota tentera dan polis mencukupi dan ia tidak membimbangkan," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis perasmian sidang Parlimen oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin di sini, hari ini.

Najib ditanya sama ada kerajaan akan mempertingkatkan langkah-langkah keselamatan berikutan keadaan yang semakin

buruk di selatan Thailand dalam tempoh beberapa hari lalu.

Semalam, konflik di selatan Thailand merebak ke wilayah Songkhla dengan tiga pelajar terbunuh dan tujuh lagi cedera apabila sekumpulan penyerang melontar bahan letupan dan melepaskan tembakan ke arah sebuah sekolah agama.

Dalam pada itu, mengulas laporan akhbar semalam mengenai 20 penduduk Islam Thailand menyeberangi sempadan ke pekan Rantau Panjang, Kelantan, Najib berkata, beliau tidak menerima laporan mengenai kejadian itu.

"Kita perlu mendapat fakta terlebih dahulu, kerana sekarang banyak laporan ber-

bentuk spekulasi yang dibuat tanpa asas, jadi kita kena teliti betul-betul," tegasnya.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, Malaysia sentiasa bersedia membantu sekiranya mendapat permintaan daripada kerajaan Thailand.

"Seperti yang saya telah sebut, ia adalah masalah dalaman semata-mata untuk diselesaikan sendiri oleh kerajaan Thailand tetapi sudah tentu kita bersedia membantu sekiranya diminta," katanya.

Menurut laporan akhbar semalam, 20 penduduk Islam dari empat kampung di wilayah Narathiwat telah menyeberang masuk ke pekan Rantau Panjang.

Kumpulan tersebut yang terdiri dari-

pada lima lelaki dan 15 wanita mendakwa dipukul pihak tentera dan anak-anak lelaki mereka ditahan atau hilang sejak 2005.

Mereka yang berumur antara 23 dan 57 tidak berhasrat memohon suaka politik sebaliknya berharap kerajaan Malaysia membantu menghentikan pertumpahan darah di selatan Thailand.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, beliau akan mendapatkan maklumat lanjut mengenai kemasukan penduduk itu semasa pertemuan dengan rakan sejawatan dari Thailand, Khamis ini.

Beliau berkata, perkara tersebut akan dibangkitkan pada Mesyuarat Kerjasama Dua Hala kedua-dua negara di Putrajaya mengenai pembangunan di selatan Thailand.

"Kita akan berkontra pengalaman bagi mewujudkan keadaan lebih stabil di wilayah yang bergolak berkenaan," jelasnya.